

UniMAP Terima Kunjungan Naib Presiden Qatar Financial Centre

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menerima kunjungan dari Naib Presiden Qatar Financial Centre (QFC), Tuan Yang Terutama Dr. Hussain Ali Al Abdulla ada 15 November 2013 lalu.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Qatar Airways and Gulf Investment Corporation-Kuwait itu mengadakan lawatan kerja sehari ke Perlis untuk melihat kerjasama yang boleh dibincangkan bersama pihak kerajaan negeri Perlis.

Beliau dan delegasi yang tiba di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra terus dibawa melawat bagi melihat keunikan dan rekabentuk perpustakaan tersebut sebelum mendengar taklimat dari UniMAP Holdings yang disampaikan oleh Dr. Mohd Najmuddin Mohd Hassan serta taklimat pembangunan negeri dari pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

